

07/10/1998

## ICT percepat proses globalisasi

Hizral Tazzif Hisham

MASYARAKAT tempatan dan antarabangsa perlu memahami kesan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dalam semua aspek kehidupan bagi menjamin kesejahteraan kehidupan dan menegakkan keadilan dalam bidang sosioekonomi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata revolusi maklumat dan penyatuan ICT menyebar luas dan mempercepatkan proses globalisasi serta mempunyai kesan yang hebat terhadap tamadun manusia.

"Kesan daripada revolusi dan penyatuan berkenaan membawa cabaran dan banyak peluang baru kepada umat manusia, termasuk potensi untuk menggunakan pendekatan terkini bagi menyelesaikan masalah lama," katanya di Seri Kembangan, Serdang, Selangor.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan di Dialog Komanwel Maya (Virtual Commonwealth atau VC) sempena persidangan dan pameran Multimedia Asia 98 (MMA 98) yang berlangsung selama empat hari bermula 29 September lalu.

Dialog VC selama 90 minit itu bertemakan Pengawasan dalam Dunia Perangkaan Internet: Ke Arah Masyarakat Tamadun Global, merentasi ruang masa dan dikendalikan dalam forum terbuka dan telus, diikuti di seluruh dunia secara langsung melalui Internet dan siaran secara terus melalui RTM.

Antara ahli panel forum itu ialah Setiausaha Tetap Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC), Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen; Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corp Sdn Bhd (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah; Presiden JUST, Dr Chandra Muzaffar dan Naib Presiden Hal Ehwal Antarabangsa Bank Dunia, Mark Malloch Brown.

Selain itu, Pesuruhjaya Eropah bagi Hal Ehwal Industri, IT dan Telekomunikasi, Martin Bangemann dan Setiausaha Agung Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), Rubens Ricuperio.

Turut serta ialah Dekan Jabatan Kajian Kerajaan John F Kennedy di Universiti Harvard, Dr Joseph S Nye, dan Sarjana Residen Yayasan Ford (Program Hal Ehwal Antarabangsa), Brian Urquhart dan ia dipengerusikan oleh bekas pengerusi tetap Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-51, Tan Sri Razali Ismail.

Dialog VC memberi tumpuan kepada isu seperti pengawasan global, masa depan negara bangsa, kemiskinan, politik dan kepemimpinan, keadilan sosioekonomi dan maruah manusia, media, kebudayaan, etika, akhlak serta kerohanian dalam zaman maklumat.

Dr Mahathir yang juga ahli panel forum itu berkata, ICT membuka banyak peluang baru untuk kepentingan tamadun manusia terutamanya dalam aspek pembelajaran dan pengumpulan maklumat tetapi dalam masa yang sama boleh menyisihkan peluang yang terbuka luas.

"Misalnya, peluang pelaburan yang terbuka luas dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk syarikat multinasional memulakan perniagaan di Malaysia tetapi dalam masa yang sama menimbulkan krisis kewangan kerana penggunaan teknologi dalam urus niaga mata wang," katanya.

Beliau berkata, sekarang adalah masa yang sesuai untuk masyarakat antarabangsa memulakan langkah merancang rangka kerja global untuk pentadbiran dalam era maklumat dan menyuburkan masyarakat madani di seluruh dunia.

Dr Mahathir berkata, tujuan utama mengadakan dialog pertama VC ialah mencari idea untuk menyelesaikan pelbagai isu yang mungkin timbul dalam

era digital dan memahami kesan ICT terhadap masyarakat.

Menurutnya, MSC adalah tempat yang sesuai untuk menguji idea dan impian dalam revolusi maklumat yang mana dengan MSC, Malaysia menyediakan infostruktur dan mempelawa penyertaan pelbagai pihak untuk melakukan uji kaji kesan ICT untuk faedah bersama.

Sementara itu, dalam forum yang sama Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corp Sdn Bhd (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata ICT mempercepatkan proses globalisasi dan kesannya amat besar yang mana fenomena ini membawa bersama peluang serta cabaran.

Menurutnya, antara peluang yang ada ialah penggunaan Internet sebagai media proaktif untuk menggalakkan penyertaan orang ramai secara demokrasi bagi penerimaan dan penyampaian maklumat.

Bagaimanapun, katanya, ia hanya boleh dijelmakan jika pengguna mempunyai keupayaan untuk menapis dan mengetahui nilai maklumat yang diterima.

Setiausaha Tetap Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan, Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen, berkata isu mengenai ketidaksamaan capaian maklumat dan sambungan antara negara sedang membangun perlu ditangani secara bersama oleh masyarakat antarabangsa.

"Menurut tinjauan Internet Domain 94.3 peratus hos Internet terletak di 19 negara seperti Amerika Syarikat, Eropah Barat dan Jepun. Ini menyebabkan kandungan maklumat lebih berkiblatkan negara maju," katanya.

Naib Presiden Hal Ehwat Antarabangsa Bank Dunia, Mark Malloch Brown, berkata teknologi dan maklumat untuk pembangunan perlu mudah untuk dicapai bagi membolehkan negara miskin mengurangkan jurang pendapatan antara negara maju dan sedang membangun.

"Dalam era maklumat, hak harta intelek seperti paten dan hak cipta perlu diberi keutamaan. Ini kerana kos yang tinggi untuk membayar hak cipta dan paten akan dapat menghalang kemajuan pengetahuan," katanya.

(END)